

Headline	Kondom boleh lindungi wanita daripada jangkitan HIV		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	20 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	4	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	38 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 74
Frequency	Daily	PR Value	RM 222



Kondom boleh lindungi wanita daripada jangkitan HIV

KUALA TERENGGANU: Kaum wanita perlu mempunyai kekuatan dalam merundingkan seks selamat supaya mereka boleh melindungi diri sendiri daripada dijangkiti sebarang jenis penyakit kelamin.

Presiden Majlis AIDS Malaysia Tan Sri Mohd Zaman Khan berkata antara pendekatan yang paling berkesan ialah menggunakan kondom semasa melakukan hubungan intim terutama di kalangan mereka yang mempunyai pasangan menghidap HIV positif.

“Adalah penting untuk setiap pasangan membuat ujian selain penggunaan kondom supaya peningkatan kes melalui transmisi seksual mampu dikurang,” katanya pada majlis perasmian Seminar Memperkasakan Wanita Menangani HIV/AIDS di sini kelmarin.

Selain itu beliau juga mengingatkan pasangan yang telah berkahwin supaya menjaga tatasusila dan mengikut landasan agama dalam amalan hidup mereka untuk mengelak sebarang risiko jangkitan HIV/AIDS akibat pergaulan bebas.-Bernama